

Newspaper	Berita Harian
Date	24 November 2015



Najib dan Modi melambai selepas merasmikan Gerbang Torana di Brickfields, semalam.
[FOTO GHAZALI KORI/BH]

BH-24/11/2015

Najib, Modi rasmi Gerbang Torana di Little India Brickfields

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatannya dari India, Narendra Modi semalam sama-sama merasmikan Gerbang Torana di Little India Brickfields, di sini yang melambangkan persahabatan kedua-dua negara.

Gerbang Torana adalah hadiah Kerajaan India kepada rakyat Malaysia sebagai tanda persahabatan berkekalan dan ia diumumkan bekas Perdana Menteri, Dr Manmohan Singh ketika lawatan rasmi ke Malaysia pada Oktober 2010.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, Gerbang Torana melakar satu lagi detik penting dalam sejarah hubungan baik Malaysia-India yang terjalin sekian lama.

Ia juga memberi isyarat kerjasama rapat dan dimensi ba-

haru dalam hubungan rakyat dengan rakyat antara dua negara sejak hubungan diplomatik terjalin 58 tahun lalu.

Hubungan mesra

"Sebagai sahabat yang terikat dengan hubungan sejarah, Malaysia dan India terus menjadikan hubungan dua negara dan rakyat lebih dekat, mesra dan mendalam," katanya.

Najib berkata, gerbang direkabentuk seperti 'Great Stupa' di Sanchi, India menawarkan kekayaan budaya dan sejarah India, antara tamadun tertua dan unggul di dunia serta yakin ia menjadi tarikan pelancong.

Beliau menyampaikan penghargaan kepada pakar dan pasukan kedua-dua negara dalam memastikan kejayaan pembinaan Gerbang Torana.

Modi pula berkata, hubungan kedua-dua negara melangkah ke satu lagi tahap di bawah pemerintahan Najib, sekali gus Gerbang Torana menjadi peristiwa penting hubungan kedua-dua negara.

"Ini akan mengukuhkan lagi hubungan dua hala, dalam ekonomi dan pembangunan sosial juga pada budaya dan tradisi," katanya dalam bahasa Hindi dan diterjemahkan ke bahasa Inggeris.

Gerbang Torana dengan ketinggian 10 meter dan mempunyai lebar 7.3 meter, kebanyakan ukiran pada blok bercorak bunga-bunga.